

27/07/2000

Kesedaran elak kemaraan HIV/Aids

Mohd Hamizar Hamid

SEJAK dikesan pada 1984, jumlah penghidap Aids dan pembawa virus HIV semakin meningkat dari semasa ke semasa. Ramai yang menganggap Aids dan HIV adalah dua perkara sama tetapi pada hakikatnya Aids dan HIV adalah berlainan.

HIV (Human Immunodeficiency Virus) adalah virus yang menyebabkan sistem ketahanan badan menurun selepas satu jangka masa tertentu dan akan berganda dalam sel badan, terutama sel dalam sistem ketahanan badan.

Manakala Aids (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) adalah tahap apabila sistem ketahanan badan menjadi sangat lemah akibat virus HIV merosakkan sel berkenaan mengakibatkan badan terdedah kepada jangkitan opportunistic.

Aids berpunca daripada serangan virus HIV atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit.

Sehubungan itu, positif HIV tidak sama dengan Aids dan apabila disahkan doktor bahawa sudah dijangkiti HIV, seseorang dikenali sebagai positif HIV, tetapi tidak bermakna dia pesakit Aids.

Serangan itu menyebabkan sistem daya tahan badan seseorang menjadi lemah dan tidak berupaya melawan serangan penyakit, walaupun penyakit yang pada kebiasaannya ringan dan boleh disembuhkan dengan mudah.

Pada peringkat awal jangkitan, HIV tidak menunjukkan sebarang tanda. Pesakit mungkin berasa sihat sedangkan sudah dijangkiti HIV.

Senario ini sangat bahaya kerana virus yang terselindung itu sebenarnya boleh berjangkit.

Menurut kenyataan Majlis Aids Malaysia (MAM), virus HIV merebak dengan memasuki aliran darah dan bermakna HIV hanya boleh merebak melalui tiga cara iaitu melalui perhubungan seks tanpa penggunaan kondom, melalui pemindahan darah yang sudah dijangkiti HIV seperti melalui jarum suntikan yang tidak disteril serta melalui ibu mengandung yang memindahkan jangkitan kepada anak dalam kandungannya.

Bagaimanapun, HIV tidak boleh hidup pada kulit, di udara atau dalam air, maka ia tidak mudah berjangkit melalui selesema atau penyakit kulit lain.

Aids juga tidak merebak menerusi sentuhan dengan orang yang dijangkiti HIV, berkongsi sudu, bekas makanan, berenang di kolam renang awam, berkongsi telefon atau memegang tombol pintu, berciuman ringan, bercakap, bersin atau batuk serta menerusi gigitan serangga.

Pada dasarnya, semua wanita berisiko tinggi dijangkiti virus itu dan tidak berbeza dari segi umur, heteroseksual, homoseksual, dwiseksual, bujang atau berkahwin.

Bagaimanapun, kaedah terbaik untuk mengelak diri daripada dijangkiti virus HIV ialah memastikan seks selamat iaitu yang tidak membabitkan pemindahan cecair badan seperti air mani, air mazi, bendalir faraj, nanah atau darah termasuk darah haid.

Ini termasuk hubungan seks yang selamat menerusi penggunaan kondom dengan cara betul, sentuhan, ciuman dan pelukan, mengurut dan melancap, di mana tiada sebarang luka atau rekahan kulit yang boleh memindahkan HIV.

Antara faktor kebanyakan wanita tidak berani untuk meminta seks yang selamat adalah kerana mereka berpendapat nikmat seks pasangan mereka lebih penting daripada keselamatan diri mereka sendiri.

Justeru, mencadangkan seks selamat tidak bermaksud meragui kesetiaan atau kegiatan pasangan tetapi seks selamat bertujuan memberi perlindungan kepada kedua-dua pihak.

Kemungkinan wanita dijangkiti HIV melalui seks faraj adalah tiga hingga

lapan kali lebih tinggi daripada lelaki dan mereka sering dianggap sebagai penyebar kepada penyakit itu.

Kebanyakan mereka yang dijangkiti HIV tidak menunjukkan sebarang tanda. Mereka kelihatan sihat, menyebabkan mereka tidak sedar kehadiran HIV dalam tubuh.

Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, kini penghidap HIV/Aids khususnya di negara membangun gagal mendapatkan rawatan terbaik kerana tidak mampu membiayai kos rawatan yang terlalu tinggi.

Persidangan Aids Sedunia ke-13 (WAC) yang diadakan di Durban, Afrika Selatan baru-baru ini, juga gagal mendapatkan penawar atau kaedah ajaib yang boleh menghalang Aids daripada merebak.

Apabila 11,000 doktor, ahli sains, pegawai kesihatan dan aktivis Aids berhimpun di situ, mereka tidak dimaklumkan mengenai penemuan ubat baru untuk penyakit Aids.

Jika penularan HIV tidak dibendung, Aids diramal menjadi punca kematian antara 75 hingga 100 peratus bayi dan kanak-kanak berusia kurang lima tahun pada 2010.

Marina menambah, bilangan bayi yang lahir dengan jangkitan HIV semakin meningkat.

"Kanak-kanak sekarang bukan saja hidup dalam dunia yang menghadapi isu dan masalah dengan HIV/Aids malah mereka hidup dengan wabak yang sehingga kini masih tidak ada penawarnya," katanya.

Selagi masyarakat mengambil sikap tidak ambil peduli terhadap usaha mengatasi penularan wabak itu, selagi itulah juga nyawa bayi dan kanak-kanak yang tidak bersalah terancam.

Sebahagian besar kes jangkitan di kalangan bayi dan kanak-kanak meliputi jangkitan daripada ibu mereka. Selain itu, kanak-kanak mudah dijangkiti menerusi darah dan suntikan.

Mereka juga terdedah kepada cara jangkitan daripada perhubungan seks iaitu daripada kejadian penderaan seks dan kes pelacuran di kalangan kanak-kanak.

Dunia akan turut kehilangan jentera penggerak pada masa akan datang jika kanak-kanak yang dilahirkan menjadi penghidap penyakit yang boleh melarat sehingga membawa maut.

Dalam kita menghadapi wabak HIV/Aids yang semakin menular pada zaman yang serba canggih ini, wanita berisiko paling tinggi untuk mendapat jangkitan HIV/Aids.

Oleh yang demikian, maklumat dan kaunseling mengenai Ujian Antibodi dirasakan perlu bagi mengekalkan keharmonian rumah tangga dan perlu mengambil tahu kegiatan pasangan masing-masing.

Pemeriksaan digalakkan jika pasangan pernah mengadakan seks tidak selamat dengan orang lain, tidak kira secara rambang atau sekali atau wanita itu sendiri pernah mengadakan seks tidak selamat dengan lelaki lain.

Walaupun ada pelbagai kaedah perancangan keluarga seperti kondom, pil perancang, daifram atau racun sperma (spermisida) tetapi semua kaedah itu tidak mampu menghalang jangkitan HIV.

Semua pihak berkenaan diharap dapat bekerjasama dan mengambil inisiatif bagi membanteras wabak itu dengan harapan kanak-kanak tidak lagi dibayangi virus HIV dan kematian yang disebabkan nya.

Berikutan fenomena yang semakin menggugat, semua pihak terbabit perlu tampil dan bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi menangani masalah ini dan mencari jalan terbaik bagi mengelak kemaraan wabak itu.

(END)